

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY**

**[ BACHOK ]**

**TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [ BACHOK ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah jualan Kedai Rakyat 1Malaysia di seluruh Negara mengikut kategori negeri. Apakah 10 produk yang paling laris dibeli.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Sehingga kini terdapat **185 buah** Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) di seluruh Negara. Jumlah jualan KR1M di seluruh Negara mengikut kategori negeri ialah:

| <b>Negeri</b>   | <b>Jumlah Jualan Tahun 2015 (RM)</b> |
|-----------------|--------------------------------------|
| Perlis          | 5.9 juta                             |
| Kedah           | 13.2 juta                            |
| Pulau Pinang    | 3.4 juta                             |
| Perak           | 19.9 juta                            |
| Selangor        | 17.8 juta                            |
| Negeri Sembilan | 13.1 juta                            |
| Kuala Lumpur    | 17 juta                              |
| Melaka          | 9.5 juta                             |
| Johor           | 25.1 juta                            |
| Pahang          | 26.4 juta                            |
| Terengganu      | 6.4 juta                             |
| Kelantan        | 10.3 juta                            |

| <b>Negeri</b>             | <b>Jumlah Jualan Tahun 2015 (RM)</b> |
|---------------------------|--------------------------------------|
| Sabah                     | 59.8 juta                            |
| Sarawak                   | 59.9 juta                            |
| Putrajaya                 | 4.3 juta                             |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>292 juta</b>                      |

Manakala produk yang terlaris di KR1M ialah produk-produk keperluan harian seperti biskut, makanan sejuk beku, bihun, minuman berkarbonat, lampin pakai buang, tisu muka dan sabun mandi.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [ BACHOK ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Bachok ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pasangan guru daripada Bachok yang berada berjauhan dengan pasangan masing-masing. Berapakah jumlah permohonan perpindahan yang belum dapat diselesaikan.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menjalankan proses pertukaran guru berdasarkan permohonan pertukaran oleh guru itu sendiri dan kelulusan bergantung kepada kekosongan perjawatan dan keperluan opsyen di negeri dipohon.

Terdapat 14 pasangan daripada Bachok yang tinggal berasingan negeri. Daripada jumlah tersebut seramai 8 orang telah membuat permohonan pertukaran bagi sesi Jun 2016.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS** : Tuan Ahmad Marzuki bin Shaary  
**DARIPADA** [ Bachok ]

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Ahmad Marzuki bin Shaary [ Bachok ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik dan jumlah aduan yang diterima oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Sistem Permantauan Aduan Awam Bersepadu (ISPAAA) sejak dari tahun 2013 hingga ke hari ini mengikut negeri-negeri dan daerah-daerah seluruh negara. Nyatakan kategori aduan yang diterima dan status aduan tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Antara tahun 2013 hingga April 2016, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima sejumlah 5,982 aduan menerusi Sistem Permantauan Aduan Awam Bersepadu (ISPAAA) yang dibangunkan oleh Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri. Dalam tempoh tersebut, negeri-negeri yang paling banyak menerima aduan ialah Selangor (1,331), Johor (655), Perak (589) dan Sarawak (500) manakala Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (13), Jabatan Pendidikan Perlis (37) dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (89) merupakan penerima aduan yang terkecil menerusi ISPAAA.

Tahap penyelesaian aduan adalah 72.86 peratus bagi tahun 2013, 76.98 peratus bagi tahun 2014, 66.79 peratus tahun 2015 dan 69.98 peratus bagi tempoh empat bulan pertama tahun ini. Antara sebab-sebab peratus penyelesaian rendah adalah proses mengumpul maklumat dan siasatan terhadap aduan tersebut memerlukan masa yang

lama, terutamanya dalam kes-kes yang membabitkan siasatan dan sebagainya. Bagaimanapun, ISPAAA tidak merekodkan jumlah aduan berdasarkan daerah dan hanya dikumpulkan menurut Jabatan Pelajaran Negeri.

Kategori aduan yang diterima oleh Kementerian Pendidikan menerusi ISPAA adalah seperti berikut:

1. Pelbagai aduan (rayuan, permohonan yang tidak dilayan, bantahan, tidak puas hati terhadap sesuatu keputusan atau tindakan dan siasatan.
2. Kelewatan atau tiada tindakan
3. Tindakan tidak adil
4. Salah Laku Anggota Awam
5. Kualiti Perkhidmatan yang tidak memuaskan
6. Kegagalan mematuhi prosedur yang ditetapkan
7. Salah Guna Kuasa/Penyelewengan
8. Kepincangan Pelaksanaan Dasar dan Kelemahan Undang-Undang
9. Kekurangan Kemudahan Awam
10. Kegagalan Penguatkuasaan.